

SATU KAJIAN MENGENAI PERKEMBANGAN SENI REKA
WANG KERTAS MALAYSIA

MOHAMAD HISYAM BIN AWALUDIN
96511559

Tesis ini dikemukakan kepada Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka,
Universiti Teknologi MARA sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan
Ijazah Sarjana Muda Seni Lukis dan Seni Reka.

1. Diperiksa oleh..... Tarikh.....
2. Diperiksa oleh..... Tarikh.....
3. Diluluskan oleh..... Tarikh.....

Dekan
Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

SINOPSIS

Peredaran masa dan perkembangan tamadun manusia telah membawa masyarakat menggunakan wang sebagai media pertukaran. Jika dahulu manusia menggunakan sistem ‘Barter’ iaitu pertukaran barang, tetapi masyarakat yang lebih bertamadun menggunakan matawang dalam proses urusan jual beli sehari-hari. Dari situ dapat dilihat bahawa wang amat penting dalam mengendalikan kehidupan seharian. Menyedari kepentingan matawang ini maka wujud kesedaran dan rasa minat pada diri penulis untuk terus mengeksplorasi tajuk ini. Penulis telah memilih tajuk tesis yang berkaitan dengan matawang iaitu satu kajian mengenai perkembangan senireka wang kertas Malaysia. Ianya bertujuan untuk memahami dan mengetahui tentang sejarah wang kertas, elemen-elemen senireka yang digunakan dan ciri-ciri keselamatan yang terdapat pada wang kertas tersebut didalam ketiga-tiga siri. Ini memandangkan sebahagian daripada masyarakat kita sendiri mungkin tidak pernah mengambil tahu dan mengambil berat tentang perkembangan senireka yang terdapat pada wang kertas Malaysia.

Penulis telah menjalankan kaedah pemerhatian dan perbandingan untuk menghasilkan tesis ini. Kaedah ini dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat yang terperinci dan mendalam tentang wang kertas Malaysia. Penulis juga dapat

mengesan perbezaan di antara wang kertas dahulu dan sekarang. Penulis telah mengkaji wang kertas bermula dari zaman penjajahan British, penjajahan Jepun dan kemudian wang kertas yang dikeluarkan sendiri oleh Bank Negara Malaysia. Penulis mendapati bahawa wang kertas Malaysia telah banyak mengalami perubahan rekaan. Ciri-ciri keselamatan yang terdapat pada wang kertas itu juga diperbaiki dari semasa ke semasa. Justeru itu, adalah menjadi keutamaan bagi orang ramai untuk menyedari ciri-ciri keselamatan yang telah dimasukkan ke dalam wang kertas tulin dan berupaya untuk membezakan di antara wang kertas tulin dengan wang kertas palsu. Ciri-ciri keselamatan yang telah dimasukkan di dalam wang kertas membolehkan pengesahan secara mata kasar dan pengesahan ketulinan oleh manusia dan juga mesin.

Secara kesimpulannya penulis mendapati bahawa wang kertas Malaysia adalah berbeza di dalam ketiga-tiga siri. Walaupun ianya banyak mengalami perubahan terhadap rekaan namun beberapa ciri utama pada wang kertas tersebut masih lagi dikekalkan. Adalah diharapkan agar hasil penulisan ini akan dapat membantu serta menjadi garis panduan kepada pengkaji-pengkaji akan datang untuk mendapatkan maklumat.

JADUAL ISI KANDUNGAN **muka surat**

Halaman pemeriksa	i
Penghargaan	ii
Sinopsis	iii
Jadual isi kandungan	v
Senarai rajah dan gambar	viii
BAB 1	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Tujuan dan masalah penyelidikan	2
1.3 Kesignifikan	3
1.4 Kaedah dan prosidur	3
1.5 Penutup	5
BAB 2	
2.1 Definisi	6
2.1.1 Matawang	
2.1.2 Wang	
2.2 Terminologi	7
2.2.1 Denominasi	
2.2.2 Barter	

2.2.3 Nilai par	
2.3 Sejarah wang kertas	7
2.3.1 Wang kertas Negeri-negeri Selat	
2.3.2 Wang kertas zaman pendudukan Jepun	
2.3.3 Wang kertas keluaran Lembaga Suruhanjaya Matawang	

BAB 3

3.1 Wang kertas keluaran Bank Negara Malaysia	28
3.2 Wang kertas siri pertama	29
3.2.1 Ciri-ciri wang kertas siri pertama	
3.2.2 Contoh wang kertas siri pertama	
3.3 Wang kertas siri kedua	38
3.3.1 Ciri-ciri keselamatan wang kertas siri kedua	
3.4 Rekabentuk am bagi jenis nilai yang berbeza	41
3.5 Rekabentuk secara individu	42
3.6 Wang kertas siri ketiga	52
3.7 Ciri-ciri keselamatan wang kertas siri ketiga	59